

PENGARUH RESILIENCE REMAJA TERHADAP PENYALAHGUNAAN DADAH

Wahyuni Ismail, Mostafa Kamal Mokhtar, Nasruddin Subhi, Fauziah Ibrahim^{*}

ABSTRACT

Drug abuse behavior is one of part problem in the world need seriously treatment because very much the victims specially the teenagers. The aims of this research to examine the impact resilience with drug abuse and this research also seek to examine the impact drug abuse according the gender. Quantitative method is kind of research. Data were obtained by administering a *Resilience Scale* and *Drug Abuse Screening Test*. There are 76 teenagers using drug as sample population. Data were analyzed by applying Analisis Regresi using SPSS for Windows 21.00 program. The results indicated that there were a significant ($p=0,043$) the impact to resilience with drug abuse among teenagers. Furthermore there was no significant ($p = 0.110$) the impact in drug abuse according gender.

Keywords: Resilience, adolescents and drug abuse.

Latar Belakang Masalah

Penyalahgunaan dadah merupakan masalah antara bangsa. Saat ini pengguna dadah di Indonesia telah mencapai 3.6 juta atau 1.99% jumlah penduduk IndAAonesia. Pada tahun 2015 dikira mengalami peningkatan menjadi 5.1 juta atau 2.8% orang, jadi tantangan ke dapan adalah bagaimana menyelamatkan 97.2% penduduk Indonesia daripada bahaya dadah (Wulan et al., 2012; BNN RI, 2012).

Jumlah pemakai dadah mengalami peningkatan setiap tahun dan tertinggi berasal daripada kalangan remaja. Hart, et al., (2009) menyatakan penyebab terbesar perilaku anti sosial pada remaja ialah penyalahgunaan dadah. Hal ini terbukti hasil data dari Badan Narkotika Nasional Provinsi Sulawesi Selatan yang ditunjukkan melalui jadual berikut ini.

Tingkat Pendidikan	2007	2008	2009	2010	2011
SMP	70	99	35	139	187
SMA	121	152	151	301	285
Universiti	9	17	23	20	34
Jumlah	200	268	209	450	506

Sumber: BNN Provinsi Sulawesi Selatan, 21 Disember 2012

^{*} Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Unversiti Kebangsaan Malaysia (UKM) email: wismail.shivdasany@gmail.com

Data Badan Narkotik Nasional Provinsi (BNNP) Sulawesi Selatan menyebutkan penyalahgunaan dadah berdasarkan latar belakang pendidikan, antara tahun 2007-2011 paling banyak berada di Sekolah Menengah Atas (SMA) dengan jumlah 285 pelajar (remaja).

Banyaknya remaja yang terlibat perilaku anti sosial seperti penyalahgunaan dadah memberikan persoalan khas iaitu ada apa dengan remaja, mengapa dari sebahagian besar kasus penyalahgunaan dadah, remaja menduduki peringkat tertinggi? Hal ini disebabkan kerana karakter khas remaja dan tahap perkembangan yang sedang terjadi di usia ini. Santrock (2007) menemukan beberapa alasan mengapa remaja mengkonsumsi dadah iaitu kerana ingin tahu, meningkatkan rasa percaya diri, solidaritas, adaptasi dengan lingkungan, maupun untuk kompensasi. Smith & Anderson (Fagan, 2006) berpendapat bahawa kebanyakan remaja melakukan perilaku berisiko dianggap sebagai bahagian daripada proses perkembangan yang normal. Rey (2002) menyatakan perilaku anti sosial yang paling sering dilakukan remaja adalah merokok, alkohol dan menagih dadah.

Masa remaja adalah masa yang unik dan kompleks kerana berbagi soalan berlaku samada perilaku prososial maupun perilaku antisosial atau *high risk behavior*. Pakar psikologi perkembangan menjelaskan kerana remaja pada masa ini mengalami gelora dan tekanan atau *storm and stress* (Santrock, 2007; Rutter, 2008; Khaidzir dan Khairil, 2005) dalam jiwa. Timbulnya tekanan tersebut kerana pengaruh pertumbuhan dan perkembangan yang dialami (Daradjat, 1993; Hurlock, 1980). Remaja suka terpengaruh sesuatu hal yang merupakan cabaran baginya, seperti dikatakan Ahern et.al., (2008) realitas remaja sangat mudah terlibat dengan perilaku berisiko tinggi kerana rasa ingin tahu termasuk mencuba merasakan dadah. Padahal mereka tidak menyadari efek dadah tersebut.

Perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan mempengaruhi perilaku mereka. Pemakaian dadah hampir sama untuk lelaki dan perempuan (*National Institute on Drug Abuse*, 2006). Schwinn et al., (2010) menyatakan bahawa tingkat pemakaian dadah perempuan lebih dua kali lipat daripada lelaki sejak sekolah menengah sehingga sekolah tinggi.

Oleh itu pihak pemerintah Indonesia sangat perlu bertindak serius mengenai kondisi remaja sekolah diperingkat usia 13 sehingga 24 tahun pada setiap institusi pendidikan. Kondisi ini sepatutnya tidak berlaku kerana remaja perlu ada pengetahuan dan pemahaman mengetahui kasusan bahaya penyalahgunaan dadah.

Akibat efek dadah yang sangat membahayakan, menyebabkan orang melakukan pelbagai kajian mengenai dadah. Beberapa kajian mendapati efek penyalahgunaan dadah sangat erat kaitannya dengan jenayah yang melibatkan remaja (Watts & Wright 1990; Don & Mohamed, 2002). Keadaan ini menyebabkan kriminalitas seperti menyerang, merompak, merogol bahkan membunuh (Goldstain, 1985; Broody, 1990) sehingga mendukung melakukan tindakan merugikan pribadi dan sekitarnya Al-Ahmady, 2000).

Pada dasarnya kajian yang terkait dengan resilience telah dilakukan orang. Secara hakekat resilience adalah kemampuan untuk dapat beradaptasi meskipun mengalami pelbagai masalah dan tekanan hidup yang kronik (Mc Whirter et al, 2007). Resick (2000) dan Zalida (2009) menjelaskan jika individu memiliki resilience kuat ianya mampu mencapai kejayaan hidup meski berhadapan dengan cabaran dan perilaku diluar batas

norma masyarakat. Mengikuti kajian Sapoor (1998), salah satu penyebab masalah sosial seperti penagihan dadah pada remaja ialah rendahnya resilience mereka, manakala Khalim Zainal mengatakan remaja memiliki resilience kuat sukar untuk bertingkah laku negatif seperti mencuri, melepak, dan terlibat dengan dadah (Fauziah, 2010). Dapat dikatakan bahawa remaja yang memiliki resilience tinggi tidak mudah terlibat pada perilaku penyalahgunaan dadah walaupun menghadapi situasi yang mengancam kehidupannya.

Berlandaskan huraian tersebut dapat dipahami kompetensi psikologis seperti resilience terhadap penyalahgunaan dadah pada remaja ialah suatu kemampuan yang dimiliki pelajar guna menolak menagih dadah walaupun dalam keadaan penuh masalah dan tekanan. Seberapa besar pengaruh resilience ini mampu menghindarkan perilaku mereka dari menyalahgunakan dadah? Fenomena inilah memberikan perhatian untuk dilakukan kajian.

Persoalan Kajian

Secara detail dapat dikemukakan bahawa yang menjadi pertanyaan kajian dalam kajian ini adalah :

1. Apakah terdapat pengaruh resilience terhadap penyalahgunaan dadah pada remaja?
2. Apakah terdapat pengaruh penyalahgunaan dadah berdasarkan jantina?

Tujuan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk mengkaji pengaruh resilience remaja di Pusat Pemulihan Dadah di Baddoka Makassar. Adapun tujuan kajian ialah:

1. Mengenal pasti pengaruh resilience terhadap penyalahgunaan dadah pada remaja.
2. Mengetahui pengaruh penyalahgunaan dadah berdasarkan jantina.

Kesignifikansian Kajian

Kajian ini diharapkan memberikan sumbangan teoritis maupun praktis dalam kajian ilmu sosial. Manfaat teoritis dapat menambah pelbagai ilmu pengetahuan seperti psikologi sosial, dan psikologi kepribadian mengenai aspek psikologis iaitu resilience sebagai alternatif tindakan menghindari perilaku penyalahgunaan dadah pada remaja. Manfaat praktis yang diperoleh dari kajian ini berupa :

1. Pihak remaja, sumber rujukan dalam mengembangkan dan menumbuhkan perilaku positif serta memahami pentingnya menghindari perilaku penyalahgunaan dadah daripada mengobati keterlibatan dengan dadah.
2. Pihak peneliti, diharapkan memberi data awal mengenai aspek resilience sebagai salah satu bentuk tindakan menghindari penyalahgunaan dadah.

Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian literatur maka diperoleh hipotesis, iaitu:

1. Terdapat pengaruh positif resilience remaja terhadap penyalahgunaan dadah. Makin tinggi resilience semakin rendah tingkat penyalahgunaan dadah remaja.
2. Terdapat pengaruh perilaku penyalahgunaan dadah berdasarkan jantina.

Defenisi Konsep dan Defenisi Operasional Variabel Kajian

1. Undang-Undang Republik Indonesia No. 22 Tahun 1997, mendefinisikan penyalahgunaan dadah adalah pemakaian dadah tanpa sepengetahuan dan pengawasan dokter. Yunita (2010) menyatakan penyalahgunaan dadah ialah suatu pemakaian *non medical* dadah yang dapat merusak kesehatan dan kehidupan produktif manusia. Penyalahgunaan dadah yang dimaksud dalam kajian adalah pemakaian dadah yang bertentangan dengan kepentingan rawatannya atau tingginya minat remaja kepada proses keterlibatan pemakaian dadah dengan tidak menurut petunjuk doktor.
2. Reivich and Shatte (2002; Reker, 2008; Holmes, 2006; Masten et. al, 2008) mengartikan resilience sebagai kemampuan bertahan, beradaptasi dan pulih kembali selama atau setelah mengalami situasi berisiko, tertekan atau kesulitan yang mengancam kehidupan. Resilience merujuk pada suatu bentuk pertahanan diri remaja untuk tetap bertahan, bangkit kembali atau menyesuaikan diri manakala ianya dihadapkan pelbagai soalan hidup khususnya untuk tidak menyalahgunakan dadah.
3. Remaja di Indonesia batasan usia remaja adalah umur 14 sampai 24 tahun (Sarwono 2008). Manakala Owens (2010) mengatakan remaja adalah individu yang berusia 10-20 tahun. Remaja yang dijadikan responden usia 13-24 tahun.

Kajian Lepas dan Landasan Teori

Kajian mengenai resilience dengan penyalahgunaan dadah dilakukan Pantjalina et al., (2013) menganalisis faktor internal dan faktor eksternal yang mempengaruhi perilaku penyalahgunaan dadah di Rumah Sakit Jiwa Daerah Atma Husada Mahakam Samarinda. Jenis kajian kualitatif dengan pendekatan *Existential Phenomenology*. Informan adalah penagih dadah. Data dikumpulkan dan dikategorikan sesuai kelompok dalam bentuk transkrip. Dianalisis dengan *content analysis* dan diinterpretasikan dalam bentuk narasi. Hasil kajian menemukan pecandu perlu dipemulihan dan memiliki harapan menjadi lebih baik, tidak menagih dadah serta menjadi relawan dadah. Keluarga, teman sebaya, dan masyarakat termasuk petugas rumah sakit sangat mendukung pecandu mengikuti program pemulihan. Pentingnya penyebaran informasi secara kontinyu tentang dadah dan dampaknya melalui kaunnseling guna meningkatkan rasa percaya diri pecandu, meningkatkan peran anggota keluarga, teman sebaya, dan masyarakat dalam melakukan pendampingan.

Landasan teori dalam kajian ini merujuk pada teori Mc. Whirther (2007) yang mendeskripsikan teori Mc Wirther, et al. (2007) iaitu menjelaskan konflik dan tekanan yang dihadapi remaja sangat terkait dengan soalan perilaku berisiko kerana impak daripada pertumbuhan dan perkembangan sehingga menyebabkan perubahan pada perilaku remaja. Kondisi psikologi remaja dengan persekitaran saling mempengaruhi

menyebabkan mereka berfikir untuk melakukan perilaku anti sosial atau prososial. Jika lingkungan keluarga, sekolah dan kelompok geng dan lingkungan persekitarannya menyediakan sokongan yang baik maka tidak akan memberikan peluang kepada remaja berperilaku berisiko seperti dikeluarkan daripada sekolah, kenakalan remaja, kehamilan remaja tanpa adanya ikatan perkawinan, perilaku penyalahgunaan dadah, bahkan perilaku bunuh diri. Ahern et.al., (2008) menyatakan realitinya remaja sangat mudah terlibat perilaku berisiko tinggi kerana rasa ingin tahu tinggi termasuk mencuba merasakan dadah.

Metod Kajian

Kajian berbentuk *cross-sectional survey* secara kuantitatif. Sham, & Crsip (1996), menyatakan *cross-sectional survey* kaedah pengumpulan data terhadap satu jenis sampel dari populasi yang dikaji sekali saja berdasarkan kepada atribut responden yang telah ada. Kajian kuantitatif dilaksanakan kerana data kajian lebih menekankan pada angka (*numerical*) dan sampel kajian yang melibatkan bilangan yang banyak (Azwar 2005). Adapun *independent variable* adalah resilience dan *dependent variable* adalah penyalahgunaan dadah atau *drug abuse*. Sedangkan *moderator variable* adalah jantina.

Populasi adalah sekelompok individu, keluarga, kelompok, organisasi, komuniti, peristiwa atau apa pun yang hendak diteliti (Suharsimi, 2011). Berdasarkan hal tersebut kelompok sampel yang berada di Baddoka Makassar, dan setiap sampel diambil secara random. Remaja yang menjadi sampel kajian ini adalah remaja berusia 13-24 tahun, dan dikenal pasti menyalahgunakan dadah.

Saat ini jumlah pecandu yang ada di Pusat-Pemulihan Dadah Baddoka sebanyak 76 remaja, kerana jumlah responden kurang dari 100 remaja maka teknik pengambilan sampel adalah *total sampling* iaitu seluruh responden yang berjumlah 76 dijadikan sampel. Akan tetapi yang dapat dianalisis hanya 74 responden dengan rincian 61 lelaki dan 13 perempuan. Sampel dipilih dengan cermat dan sesuai dengan desain kajian (Mantra, 2004). Mengikut Narbuko & Achmadi (2004) teknik ini berdasarkan pada ciri atau sifat-sifat tertentu yang diperkirakan mempunyai kaitan erat dengan ciri atau sifat-sifat yang ada dalam populasi yang sudah diketahui sebelumnya.

Kaedah yang digunakan untuk memperoleh tujuan kajian. Adapun kaedah pengumpulan data adalah skala atau angket sebagai kaedah utama, iaitu *Resilience Scale* dari Wagnild dan Young (1993; 2009) terdiri dari 25 item. Item berbentuk skala Likert kesesuaian (4) sangat setuju, (3) setuju, (2) tidak setuju (1) sangat tidak setuju. Nilai pemarkahan 4, 3, 2, 1.

Jadual 1. Sebaran Skala Resilience

Indikator	Nombor Item	No Item Gugur	Jumlah
Kemandirian <i>Self Reliance</i>	1,2,3,4,5	-	5
Kebermaknaan (<i>Mining</i>)	6,7,8,9,10	-	5
Ketenangan (<i>Equanimity</i>)	11,12,13,14,15	-	5
Ketekunan (<i>Perseverance</i>)	16,17,18,19,20	-	5
Keberadaan (<i>Existential</i>)	21,22,23,24,25	21, 25	3

Jumlah	25	2	23
---------------	----	---	----

Setelah melalui pengujian maka jumlah item yang gugur pada skala resiliensi sebanyak dua item. Skala penyalahgunaan dadah yang digunakan adalah *Drug Abuse Screening Test* atau DAST-28 dari Skinner Harvey (1982) dengan kesesuaian (4) sangat setuju, (3) setuju, (2) tidak setuju (4) sangat tidak setuju, sehingga pemarkatan nilai jawapan adalah 4, 3, 2, dan 1. Jumlah item yang gugur adalah satu pernyataan. Selengkapnya perhatikan jadual 4 dibawah ini.

Jadual 2. Skala Penyalahgunaan Dadah

Indikator	Nombor Item	No Item Gugur	Bila ngan
Penggunaan Berlebihan <i>over-the counter</i>	1-14	4	13
Penggunaan Non Medik <i>any non-medical use of drugs</i>	15-28	-	14
Jumlah	28	1	27

Sebelum penggunaan skala pengukuran dijalankan, terlebih dahulu dilakukan uji coba atau *try out scale* iaitu uji validitas dan uji reliabilitas. Tujuannya untuk mengetahui alat pengukuran (*Resilience Scala dan Drug Abuse Screening Test*) tersebut layak digunakan dalam suatu kajian. Tahap uji coba skala kajian melibatkan 30 responden.

Frankel dan Wallen (2007) menyatakan reliabilitas minimal memiliki skor 0.7 Alpha Cronbach. Berdasarkan uji validitas dan reliabilitas diperoleh hasil seperti jadual 6, bermakna sudah mengikuti kaedah yang berlaku.

Jadual 3. Validitas dan Reliabilitas Variabel

Skala	Reliabilitas (Cronbach's Alpha)	Validitas	N Item
Resilience	0.91 menjadi 0.85	0.377 - 0.719	25
Penyalahgunaan Dadah	0.92 menjadi 0.93	0.349 - 0.738	28
Total			53

Hasil dari validitas dan reliabilitas tersebut memberikan pemahaman bahawa skala yang ada dipergunakan untuk pengumpulan data yang sebenarnya. Data yang telah ditabulasikan dalam Microsoft Exel kemudian dianalisis dengan menggunakan regression analisis menggunakan program SPSS for Windows 21. Seterusnya hasil pengujian hipotesis ditunjukkan pada jadual berikut.

Jadual 4 Descriptive Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
P. DADAH	70.7703	8.39038	74
RESILIENCE	72.5541	5.62563	74
JANTINA	1.1757	.38314	74

Jadual di atas menggambarkan bahawa rata-rata koefisien nilai variabel penyalahgunaan dadah dari 74 remaja sebagai responden adalah 70.7703 dengan nilai standar deviasi menunjukkan angka 8.39038. Manakala variabel resilience memiliki nilai mean 72.5541 dengan koefisien standar deviasi 5.62563.

Jadual 5 Correlations Antar Variabel

		PENY. DADAH	RESILIENCE	JANTINA
Pearson Correlation	PENY. DADAH	1.000	.227	.175
	RESILIENCE	.227	1.000	-.039
	JANTINA	.175	-.039	1.000
Sig. (1-tailed)	PENY. DADAH	.	.026	.068
	RESILIENCE	.026	.	.369
	JANTINA	.068	.369	.
N	PENY. DADAH	74	74	74
	RESILIENCE	74	74	74
	JANTINA	74	74	74

Jadual tersebut terlihat bahawa besar pengaruh antara variabel penyalahgunaan dadah dengan resilience adalah nilai 0.227 hal ini menunjukkan hubungan positif. Manakala besar pengaruh nilai jantina dengan penyalahgunaan dadah adalah 0.175 yang berarti ada hubungan positif.

Jadual 6 Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Change Statistics				
					R Square Change	F Change	df1	df2	Sig. F Change
1	.292 ^a	.085	.060	8.13608	.085	3.317	2	71	.042

a. Predictors: (Constant), JANTINA , RESILIENCE

R^2 atau *R Square* adalah *coefisien determinant* atau sumbangan efektif *independent variable* terhadap *dependent variable*. Koefisien determinasi digunakan untuk mengetahui

seberapa besar hubungan dari beberapa variabel dalam pengertian yang lebih jelas. Koefisien determinasi akan menjelaskan seberapa besar perubahan atau variasi suatu variabel bisa dijelaskan oleh perubahan atau variasi pada variabel yang lain (Santosa & Ashari, 2005). Nilai koefisien ini antara 0 dan 1, jika hasil lebih mendekati angka 0 berarti kemampuan *variable independent* dalam menjelaskan variasi variabel amat terhad. Tetapi jika hasil mendekati angka 1 berarti *variable independent* memberikan hampir semua informasi yang dibutuhkan untuk memprediksi variasi *variable dependent*.

Berdasarkan hal tersebut bermakna bahawa R Square adalah 0.085 hasil kuadrat dari koefisien korelasi ($0.292 \times 0.292 = 0.085$), dengan *Standar Error of the Estimate* adalah 8.13608. Perhatikan pada analisis deskriptif statistik bahawa standar deviasi penyalahgunaan dadah 8.39038 yang lebih besar dari dari standar error, oleh kerana lebih kecil dari standar deviasi penyalahgunaan dadah maka model regresi bagus dalam bertindak sebagai predictor penyalahgunaan dadah. Hal ini berarti nilai R Square 0.085 atau 8.5% faktor yang mempengaruhi perilaku penyalahgunaan dadah pada remaja sebagai responden disebabkan oleh kompetensi psikologis khususnya resilience mereka. Sedangkan 91.5 % lainnya dipegaruhi oleh faktor lain seperti lingkungan sosial remaja. Artinya semakin tinggi tingkat resilience seorang remaja maka semakin rendah pula perilaku mereka untuk menyalahgunakan dadah.

Jadual 7 Coefficients^a

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	40.648	12.781		3.180	.002
1 RESILIENCE	.350	.169	.235	2.066	.043
JANTINA	4.027	2.487	.184	1.619	.110

a. Dependent Variable: PENYALGUNAAN DADAH

Rumusan model regresi dapat dipakai untuk memprediksi penyalahgunaan dadah, kaedah yang digunakan ialah jika $p < 0.050$ maka ada pengaruh demikian pula sebaliknya jika nilai $p > 0.050$ maka tidak dapat pengaruh antar variabel. Berdasarkan hal tersebut maka diperoleh hasil pengujian analisis regresi bahawa terdapat pengaruh yang signifikan antara resiliensi dengan penyalahgunaan dadah dengan nilai signifikansi 0.043 dimana nilai ini lebih kecil daripada 0.050 dan tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara penyalahgunaan dadah berdasarkan jantina dengan nilai signifikansi 0.110 dimana nilai $p > 0.050$.

Pembahasan Hasil Kajian

1. Pengaruh Resilience terhadap Penyalahgunaan Dadah

Berdasarkan hasil statistik dengan program SPSS ditemukan koefisien nilai $p = 0.043$ yang bermakna terdapat pengaruh resilience terhadap penyalahgunaan dadah. Kaedah yang disyaratkan adalah jika nilai $P < 0.050$ maka signifikan berarti hipotesis yang diajukan diterima. Hal ini berarti bahawa makin kuat tingkat resiliensi remaja maka semakin rendah kecenderungan untuk menyalahgunakan dadah.

Hasil kajian menemukan konsistensi dengan penyelidikan Purba dan Saragih (2011) iaitu dinamik faktor-faktor resilience pada mantan pencandu dadah di Medan Sumatera Utara. Hasil menunjukkan bahawa faktor resilience yang ada dalam diri Responden I dan II membantu mereka dalam proses pemulihan. Pada responden I faktor resilience itu berkembang ketika ia mengikuti pelatihan dan pendidikan dasar di lembaga Palang Merah Indonesia selama satu tahun. Manakala Responden II faktor resilience tersebut berkembang pada saat ia masuk pemulihan untuk kedua kalinya dan mengikuti pelbagai *training*.

Hasil kajian senada dilaksanakan Liem (2010) mengkaji efektifitas pelatihan anti dadah dengan metode refleksi terhadap pemahaman dan intensitas penyalahgunaan dadah pelajar kelas X SMA. Melalui uji *t independent sample* yang dilakukan terhadap *gain score* pemahaman dan intensitas 107 subjek yang terbagi dalam kelompok kontrol dan eksperimen. Hasilnya pelatihan antidadah tidak terbukti efektif meningkatkan pemahaman bahaya dadah dan menurunkan intensitas penyalahgunaan dadah melalui pelatihan anti dadah.

Kajian Tommy et al., (2006) untuk mengetahui hubungan antara resilience dan sikap terhadap penyalahgunaan zat dan untuk mengetahui rincian lebih lanjut hubungan antara dimensi resilience dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Dimensi ketahanan adalah faktor protektif, faktor risiko dan faktor personal. Subjek adalah siswa Sekolah Menengah Pertama (N = 101), dianalisis dengan menggunakan korelasi *product moment* dari Pearson. Hasil menunjukkan tiga dimensi resilience hanya satu memiliki korelasi positif dengan sikap terhadap penyalahgunaan zat, manakala dua lainnya tidak memiliki korelasi. Secara umum, dirumuskan bahawa tidak ada korelasi antara resilience dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Hasil kajian ini tidak konsisten dengan hasil kajian yang dilakukan peneliti yang menemukan pengaruh signifikan antara resilience terhadap penyalahgunaan dadah.

Hasil kajian Karsiyati (2012) juga mendukung hasil penyelidikan pengkaji iaitu menemukan adanya korelasi antara resilience dengan keberfungsian keluarga kepada 40 remaja pecandu dadah. Pengumpulan data menggunakan *Family Assesment Device* (FAD) daripada Epstein dan *Resilience Scale* dari Wagnild & Young. Hasil kajian menunjukkan adanya korelasi antara keberfungsian keluarga khasnya dimensi keterlibatan afektif dan kawalan perilaku terhadap resilience dalam kalangan remaja yang sedang menjalani pemulihan.

Kajian Moon et al., (2000) juga menunjukkan resilience memiliki peran besar dalam proses pertahanan individu terhadap penggunaan napza. Menurut hasil kajian Hawkins, Catalino, dan Miller (Tommy et al., 2006) terdapat beberapa perbezaan antara *risk factors* dan *protective factors* pada penyalahgunaan dadah remaja dalam aspek perilaku, keluarga, teman sebaya serta budaya. Pada aspek perilaku bentuk *risk faktor* perlawanan

terhadap otoritas dan agresivitas, bentuk *protective faktor* adalah memiliki kemampuan *coping* yang baik. Pada aspek keluarga *risk faktor* adanya pemakaian dadah di lingkungan keluarga manakala *protective faktor* adanya ikatan terhadap orangtua. Pada aspek teman sebaya *risk faktor* memiliki teman sebaya yang menggunakan dadah, *protective faktor* adalah penolakan teman sebaya terhadap penggunaan dadah. Aspek terakhir iaitu aspek budaya mempunyai *risk faktor* iaitu mudahnya dapat dadah, *protective faktor* adalah mempunyai norma kelompok yang benar dan positif.

Mengikut pelbagai hasil kajian tersebut dapat dipahami ternyata resilience yang kuat akan mengurangi individu untuk melakukan perilaku anti sosial seperti menyalahgunakan dadah. Berdasarkan hasil kajian bahawa 8.5 % perilaku penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja dipengaruhi kerana rendahnya resilience dalam jiwa mereka sehingga mudah terjerumus untuk menyalahgunakan dadah.

2. Penyalahgunaan Dadah Menurut Jantina

Keputusan analisis penyalahgunaan dadah berdasarkan jantina didapatkan nilai $p = 0.110$ ($p > 0.05$) adalah tidak signifikan. Artinya tidak ditemukan adanya pengaruh penyalahgunaan dadah berdasarkan jantina. Hal ini menandakan bahawa antara remaja lelaki dan perempuan tidak ada pengaruhnya terhadap penyalahgunaan dadah.

Hasil kajian ini konsisten dengan kajian Wahyuni et al (2014) yang juga memperoleh bahawa tidak ditemukan adanya perbezaan penyalahgunaan dadah antara lelaki dan perempuan. Akan tetapi kajian Arokiaraj, et al., (2011) mendapati terdapat perbezaan signifikan resilience terhadap perilaku kenakalan pelajar dan juga perilaku penyalahgunaan dadah antara lelaki dan perempuan. Kajian yang dilakukan Fergus & Zimmerwan (2005) mengenai resilience remaja dengan tiga model ketahanan iaitu kompensasi, pelindung, dan model tantangan. Menjelaskan bagaimana resilience berbeda dari konsep-konsep yang terkait dan memberikan gambaran kajian ketahanan dengan penggunaan zat dalam kalangan remaja. Implikasi riset mendapati bahawa resilience memiliki untuk intervensi dan menjelaskan beberapa intervensi yang berbasis ketahanan diri dalam jiwa.

Perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan dalam hal penyalahgunaan dadah juga mempengaruhi perilaku mereka. Saat ini trend dalam data menunjukkan kasusjenangan gender dalam penggunaan dadah terus menyusut dalam kalangan remaja (Johnston, et. al., 2007). Pada kasus tertentu penggunaan dadah pada perempuan melebihi rekan lelaki mereka, perempuan menggunakan inhalansia, amfetamin, methamphetamine, ubat penenang, rohypnol, dan rokok melebihi lelaki (Wallace, et. al., 2003).

Mahmood & Edman, (1997) meneliti perbezaan gaya atrubusi diantara penagih heroin lelaki dan perempuan. Sebanyak 185 responden lelaki dan 165 perempuan diwawancarai di Pusat-Pemulihan Dadah. Wawancara dikendalikan oleh konselor. Perempuan diperoleh lebih cenderung untuk mengatribusikan perilaku ketagihannya sendiri kepada sebab-sebab internal berbanding dengan penagih heroin lelaki. Tetapi jika mengatribusikan penyebab penagihan orang lain penagih perempuan kurang cenderung menyalahkan sebab internal mereka.

Kajian Nababan (2008) menemukan paling banyak lelaki menagih dadah kerana umumnya mereka sudah merokok dan rokok sebagai pintu utama menyalahgunakan dadah. Penyelidikan berbeza dilakukan Jaji (2009) memperoleh bahawa terdapat perbezaan penyalahgunaan dadah antara lelaki dan perempuan. Perempuan justru lebih banyak menagih dadah sebesar 203 atau 52.9% berbanding lelaki sekitar 181 atau 47.1% dengan total responden 384 remaja yang bersatus sebagai pelajar di Palembang.

Secara umum terdapatnya pelbagai hasil kajian dengan hasil peneliti yang menemukan perbezaan perilaku antara lelaki dan perempuan dalam hal menagih dadah kerana remaja lelaki lebih mudah berteman dan adanya kecenderungan lelaki lebih suka mencuba hal baru termasuk menyalahgunakan dadah. Freud (Alifia, 2008) menyatakan lelaki cenderung mudah menyatu dan mengekspresikan diri dengan lingkungan daripada perempuan.

Rumusan Kajian

Berlandaskan hasil kajian yang telah dilakukan, didapati rumusan kajian iaitu:

1. Ditemukan ternyata *variable independent* iaitu resilience merupakan salah satu faktor penentu perilaku penyalahgunaan dadah pada remaja meskipun memberikan kontribusi efektif hanya sebesar 8.5%. Diperoleh koefisien nilai $p = 0.043$ yang bermakna terdapat pengaruh resilience terhadap penyalahgunaan dadah. Kaedah disyaratkan adalah jika nilai $p < 0.050$ maka terdapat nilai signifikan. Hal ini bermakna bahawa faktor penyebab penyalahgunaan dadah dadah salah satunya adalah faktor resilience sebesar 8.5 %.
2. Tidak ditemukan pengaruh penyalahgunaan dadah berdasarkan jantina dengan nilai $p = 0.110$ dimana nilai koefisien $p > 0.050$ yang berarti antara lelaki dan perempuan tidak ada pengaruhnya terhadap penyalahgunaan dadah.

Sarangan Kajian

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, diharapkan kepada:

1. Para remaja untuk mengoptimalkan implementasi kompetensi psikologis mereka seperti aspek resilience atau ketahanan diri dalam jiwa. Aspek ini penting bagi jiwa jika dihadapkan pada tekanan dan persoalan hidup yang traumatis sehingga perilaku remaja dapat terhdar untuk menyalahgunakan dadah.
2. Para orang tua untuk senantiasa mengontrol perilaku anak remaja mereka agar tidak terlibat dengan perilaku antisosial sepertipenyalahgunaan dadah.
3. Kepada peneliti selanjutnya untuk memperluas objek kompetensi psikologis selain dari aspek resilience ini. Meskipun aspek ini hanya memberikan kontribusi sebesar 8.5 % terhadap penyalahgunaan dadah. Peneliti lainnya boleh mengkaji dari aspek "lingkungan sosial" seperti pola asuh orang tua (*parenting style*), dan pengaruh dari teman sebaya (*peers influence*), remaja yang dapat melibatkan diri mereka sehingga terpengaruh pada perilaku penyalahgunaan dadah.

REFERENSI

- Ahern, N. R., Ark, P., & Bayers, J. 2008. Resilience dan Coping Strategies in Adolescents. *Paediatric Nursing*. 20 (10), 32-36.
- Alifia, U. 2008. *Apa itu Narkotika dan Napza*. P.T. Bengawan Ilmu.
- A.R. Arokiaraj, R. Nasir, W.S. Wan Shahrazad. 2011. Gender Effects on Self Esteem, Family Functioning, and Resilience Among Juvenile Delinquents in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 19 (S), 1-8.
- Azwar, S. 2005. *Sikap Manusia 'Teori dan Pengukurannya'*. Edisi II. Yogyakarta : Pustaka Pelajar Offset.
- Badan Narkotika Nasional Republik Indonesia. 2012. Data Kasus Narkotika di Indonesia 11 Tahun Terakhir. Jakarta. Badan Narkotika Nasional.
- Banaag, C. G. 2002. *Resiliency, Street Children, and Substance Abuse Prevention*. Prevention Preventif. Vol. 3.
- Daradjat, Z. 1993. *Ilmu Jiwa Agama*. Jakarta : Bulan Bintang.
- Don, Y & Mohamed, M.N. 2002. Penagihan Narkotika dan Perlakuan Jenayah : Pengaruh Faktor Psikososial dan Institusi. *Jurnal Psikologi Malaysia* 16:5 74.
- Fagan, R. 2006. Counseling and Treating Adolescents with Alcohol and Other Substance Use Problems and Their Family. *The Family Journal : Counseling Therapy for Couples and Families*. Vol. 14. No. 4. 326-333. Sage Publications. Diakses melalui <http://tfj.sagepub.com/cgi/reprint/14/4/326> pada 5 Oktober 2012.
- Fergus, S., & Zimmerwan, M.A. 2005. Adolescent Resilience : A Framework for Understanding Healthy Development in the Face of Risk. *Annual Review of Public Health*. Vol. 26 : 399-419
- Frankel, J.R., & Wallen, N.E. 2007. How to Design and Evaluate Research in Education. 6th ed. Boston, MA : Allyn and Bacon.
- Goldstein, J.P., 1985. The Drug-Violence Nexus : A Tripartite Conceptual Framework. *Journal of Drug Issue*, 15 : 493-506.
- Hart, C.I., Ksir, C., Ray, O. 2009. *Drugs, Society, and Human Behavior*. Ed. Thirth. New York : McGraw Hill.

- Hurlock, E. B. 1980. *Developmental Psychology, a Life-Span Approach*. Fifth Edition, New York : Mc Graw-Hill. Inc.
- Ismail, W. 2013. Pengaruh Coping Strategi terhadap Penyalahgunaan Narkoba pada Remaja. *Laporan Penelitian*. Makassar : Universitas Islam Negeri Alauddin Press.
- Jaji. 2009. *Hubungan Faktor Sosial dan Spritual dengan Resiko Penyalahgunaan Napza pada Remaja SMP dan SMA di Bandar Palembang 2009*. Palembang : Fakultas Kedokteran Universitas Sriwijaya.
- Johnston L.D., O'Malley PM., Bachman J.G., Schulenberg J.E., Bethesda, M.D., National Institute on Drug Abuse. 2007. *Monitoring the Future National Result on Adolescents Drug Use, Overview of Key Findings*. NIH Publication. No. 07. 6202.
- Karsiyati. 2012. Hubungan Resilience dan Keberfungsian Keluarga pada Remaja Pecandu Narkoba yang sedang Menjalani Pemulihan. *Skripsi*. Jakarta : FPSI Universitas Indonesia.
- Khaidzir Ismail dan Khairil Anwar. 2005. Kepribadian dan Tingkah Laku Kriminal di Kalangan Remaja : Suatu Perspektif Psikologi Perkembangan. *Journal Anima Indonesian Psychological*. Vol. 20, No.4, 313-329.
- Liem Andrian, 2010. Efektifitas Pelatihan Anti Narkoba dengan Metode Reflektif Terhadap Pemahaman dan Intensi Penyalahgunaan Narkoba Pada Murid SMA Kelas X. *Tesis*. Yogyakarta : Universitas Sanata Dharma.
- Mantra, I.B. 2004. *Filsafat Penelitian dan Metode Penelitian Sosial*. Jogjakarta: Pustaka Pelajar.
- McWhirter, J.J., McWhirter B.T., McWhirter, E.H., & McWhirter, R.J. 2007. *At Risk Youth : A Comprehensive Response for Counselors, Teachers, Psychologists, and Human Services Professionals*. 4th Edition. United States of America : Thomson Brooks/Cole.
- Moon, D. G., Jackson, K. M., & Hecht, M. L, Family Risk and Resiliency Faktors, Substance Use, and the Drug Resistance Process in Adolescence, *Journal of Drug Education*, 30 (4), 373-398.
- Nababan, B.S. 2008. Analisis Kriminologi dan Yuridis terhadap Penyalahgunaan Narkoba yang Dilakukan Oleh Anak. *Skripsi*. Universitas Sumatra Utara : Faklutas Hukum.

- Narbuko, C., & Achmadi, A. 2004. *Metodologi Penelitian*. Jakarta: PT. Bumi Aksara.
- National Institute on Drug Abuse. 2006. *Preventing Drug Use Among Children and Adolescents. A Research-Based Guide for Parents, Educators and Community Leaders, 2*. NIH Publications No.04 - 4212 (A). Bethesda : National Institute on Drug Abused.
- Ong, D.A., Bergeman, S.C., Bisconti, L.T, and Wallace, A.K. 2006 "Psychological Resilience, Positive Emotions, and Successful Adaptation to Stress in Later Life" *Journal of Personality and Sosial Psychology* vol 91 pp 730-749.
- Purba Rani, S. P., Saragih, J. I. 2011. *Dinamika Faktor- faktor Resilience pada Mantan Pecandu Narkoba. Skripsi*. Medan: Universitas Sumatra Utara, Fakultas. Psikologi.
- Ratnasingam, M., Rahman, .W.R.A. 1990. Perkembangan Skala Penggunaan Narkoba dalam Penyelidikan Pergantungan Narkoba. *Jurnal Psikologi Malaysia* 6, 103-118.
- Resick, P.A. 2001. *Stress & Traumatic*. United Kingdom. Psychology Press Ltd.
- Rey, J. 2002. *More than Just the Blues : Understanding Serious Teenage Problems*. Sydney : Simon & Schuster. Sadar Hati Foundation. 2012. Materi Seminar 'Bahaya Penyalahgunaan Narkoba'. Malang
- Reivich, K., & Shatte, A. 1999. *The Resiliency Factors : 7 Essential Skills for Overcoming Life's Inevitable Obstacles*. New York : Academis Press.
- Reivich, K & Shatte, A. 2002. *The Resilience Faktor*. New York : Broadway Books.
- Rutter, M. 2008. Parent-Child Separation, Psychological Effect on The Children. *New Direction in Children Psychopatology*. Vol 1. New York : International University Press Inc.
- Santrock, Jhon. W. 2007. *A Tropical Approach to Life-Span Development*, Third Edition. New York : The McGraw-Hill Companies, Higher Education.
- Sarwono, S.W. 2008. *Psikologi Remaja*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Skinner, A.H. 1982, the Centre for Addiction and Mental Health, Toronto, Canada. Adapted from "Drug Use Questionnaire,"
- Suharsimi, A. 2011. *Prosedur Penelitian : Suatu Pendekatan Praktek*. Edisi Revisi. Jakarta : Rineka Cipta.
- Sujianto, A.E. 2007. *Aplikasi Statistik dengan SPSS untuk Pemula*. Jakarta : Prestasi Pustaka.

- Tommy, P.Y., Suyasa, S., Wijaya, F. 2006. Resiliesni dan Sikap terhadap Penyalahgunaan Zat (Studi pada Remaja). *Jurnal Psikologi*. Vol.4 No.2. 102-111.
- Undang-Undang Republik Indonesia No. 22 Tahun 1997 Tentang Narkotika.
- Wagnild, G.M., & Toung, H.M. 1993. Development and Psychometric, Evaluation of the Resilience Scale. *Journal of Nursing Management*, 1(2), 165-178.
- Wagnild, G.M. 2008. A Riview of the Resilience Scale. *Journal of Nursing Measurement*, 17 (2), 105-113.
- Wahyuni. I., Mostafa Kamal M., Nasrudin S., Fauziah, I. 2014. The Impact of coping strategy with drug abuse at students. International Seminar on Global Education. Education Transformation Towards a Developed Nation. *Proceeding.T.II* : 3047-3069.
- Wallace JM, Bachman JG, O'Malley PM, Schutenberg JE, Cooper SM, Johnston LD. Gender and ethnic differences in smoking, drinking and illicit drug use among American 8th, 10th, and 12th grade students, 2000. *Journal Addiction*. 2003 ; 8 :2 25-234.
- Watts, W.D. & Wright, L.S. 1990. The Drugs Use Violence Delinquency Link among Adolescent Mexican-American. *Drugs Violence : Causes. Correlates and Concequences*. NIDA Research Monograph.103 : 135-158.
- Wulan, I.S., Riwayanto, E., & Rinusu. 2012. *Pedoman Perencanaan dan Penganggaran Responsif Gender dalam Bidang Pencegahan dan Pemberantasan Penyalahgunaan dan Peredaran Gelap Narkoba (P4GN)*. Jakarta : Kementerian Pemberdayaan Perempuan dan Perlindungan Anak Republik Indonesia.
- Zalida Adam. 2009. *Keluarga dan Perhubungan*. Selangor : Alaf Dua Puluh Satu Sdn Bhd.